

UMS cemerlang di SUKIPT

UB 17.2.2014 A16

KOTAKINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempamerkan kecemerlangan dengan memenangi lima pingat emas dari Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 yang berakhir di Shah Alam, Selangor kelmarin.

Selain emas, UMS turut menambah koleksi dengan membawa pulang enam pingat perak dan 11 pingat gangsa untuk menduduki tempat ke-11 dari jumlah 117 institut pengajian tinggi seluruh negara yang mengambil bahagian pada temasya dua minggu itu yang bermula 3 Februari.

Kejayaan tersebut pasti membanggakan selepas kontijen dari negeri ini bukan sahaja memperbaiki kedudukan berbanding tempat ke-17 pada temasya sulung 2012, tetapi juga memperlihatkan peningkatan pencapaian pingat berbanding tiga pingat emas, enam pingat perak dan tiga pingat gangsa yang dimenangi dua tahun

yang lalu, juga di sekitar Shah Alam.

Pengarah Pusat Sukan UMS Asyraaf Fong merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat termasuk pegawai, jurulatih dan para atlet yang telah mengharumkan nama UMS pada temasya edisi Ke-2 kali ini.

“Kejayaan ini bukan kejayaan yang mudah kerana kejohanan ini turut melibatkan ramai atlet-atlet kebangsaan termasuk yang baru sahaja mewakili Malaysia ke Sukan SEA Myanmar pada Disember lalu.

“Kejayaan ini merupakan hasil usaha gigih dan latihan berterusan oleh para atlet yang mendapat bimbingan dari para jurulatih dedikasi masing-masing,” ujar beliau ketika dihubungi kelmarin.

“Sukan ini merupakan ruang kepada atlet kebangsaan dan antarabangsa yang menuntut di institusi pengajian tinggi tempatan untuk

memperlihatkan kemampuan mereka dan dalam masa yang sama meningkatkan integrasi pelajar menerusi sukan.

“Tanya juga bertujuan untuk membudayakan sukan di kalangan para pelajar serta meningkatkan kualiti hidup generasi muda, selain turut menjadi landasan pemilihan atlet untuk mewakili Malaysia ke kejohanan-kejohanan institusi pengajian tinggi peringkat antarabangsa di masa hadapan,” jelasnya lagi.

Lima pingat emas yang dimenangi oleh UMS disumbangkan oleh Laura Simon (lawan pedang - acara Epee individu wanita), Vivian Grace Gordon/Tseu Nyuk Yin/Syahirah Bryanna Gomes (karate - Kata berpasukan wanita), Mathavan Vickneswaran (karate - Kumite -75kg lelaki), Mohd Fakhrrur Razi/Lee Kim Qin/Yeo Kok Siong (taekwondo - Poomsae berpasukan lelaki) dan Eldy Sham Irlon (olahraga



KONTINJEN Universiti Malaysia Sabah merai kecemerlangan di Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 yang berakhir di Shah Alam, Selangor kelmarin. Kelihatan Asyraaf (depan lima kanan).

- 400m lari berpagar lelaki).

Enam pingat perak dimenangi melalui Emmy Ahkim (olahraga - 400m lari berpagar wanita), Max Anzie Jetol (olahraga - merejam lembing lelaki), Max Anzie Jetol (olahraga - lontar peluru lelaki), Iswara Tamring (olahraga - merejam lembing

wanita), El Said Aziz (olahraga - lompat jauh lelaki) dan Cheong Pui Siong (taekwondo - Poomsae individu wanita).

Sebelah pingat gangsa pula diperoleh melalui Syahirah Bryanna Gomes (karate - Kata individu wanita), Syahirah Bryanna Gomes/Vivian Grace

Gordon/Tseu Nyuk Yon (karate - Kumite berpasukan wanita), Sheerwood (pencak silat - Kelas Hlelaki), Melda Dahalan/Fiona/Cheong Pui Siong (taekwondo - Poomsae berpasukan wanita), Mohd Fakhrrur Razi/Melda Dahalan (taekwondo - Poomsae campuran), Yeo Kok Siong

(taekwondo - Poomsae individu lelaki), El Said Aziz (olahraga - lompat kijang lelaki), Merry Gabali (olahraga - lompat jauh wanita), Merry Gabali (olahraga lompat kijang wanita), Aisyah (petanque - individu wanita) dan Shirley Ling Shio Ling (tenis - perseorangan wanita).